



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERSPEKTIF GURU TERHADAP PELAKSANAAN KURIKULUM STANDARD  
REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI (RBT) TINGKATAN SATU  
DI SEKOLAH MENENGAH**

**FELICITY JOHN FRENCH UDIN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGAJIAN KURIKULUM)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2018**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai pelaksanaan Kurikulum Standard Reka Bentuk dan Teknologi (KS RBT) Tingkatan Satu di Sekolah Menengah Malaysia. Penilaian dilakukan menggunakan model penilaian CIPP yang dipelopori oleh Stufflebeam (1971). Aspek yang dinilai adalah aspek konteks dan aspek input. Aspek konteks merangkumi kesediaan guru, kursus guru dan kesesuaian isi kandungan mata pelajaran RBT. Manakala aspek input pula merangkumi keupayaan pihak sekolah menyediakan bahan kurikulum dan kemudahan fizikal untuk pelaksanaan mata pelajaran RBT. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah reka bentuk penilaian program menggunakan kaedah kualitatif. Seramai lima orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Teknik pengumpulan data adalah melalui temu bual dan pemerhatian. Senarai semak digunakan bagi mengukuhkan dapatan kajian. Dari aspek konteks, dapatan kajian menunjukkan guru Kemahiran Hidup (KH) bersedia melaksanakan KS RBT. Secara keseluruhannya guru KH bersetuju bahawa kursus RBT yang telah disediakan membantu dalam pengajaran mereka tetapi kurang memenuhi keperluan guru dan mereka masih memerlukan kursus lanjutan. Dapatan kajian juga menunjukkan isi kandungan mata pelajaran RBT sesuai dengan tahap penguasaan murid tingkatan satu dan menjurus kepada Pendidikan Abad ke-21. Dari aspek input pula, dapatan kajian menunjukkan bahan kurikulum dan kemudahan fizikal yang disediakan kurang memenuhi keperluan KS RBT. Kesimpulan berdasarkan dapatan kajian menunjukkan KS RBT dapat dilaksanakan dengan baik tetapi masih terdapat beberapa aspek yang perlu diberikan nilai tambah dan perhatian bagi memantapkan lagi pelaksanaan KS RBT tingkatan satu. Implikasi kajian ini menunjukkan keperluan kursus KS RBT dan kemudahan fizikal untuk pengajaran dan pembelajaran KS RBT tingkatan satu perlu dipertingkatkan. Satu garis panduan pemurnian pelaksanaan KS RBT dari aspek konteks dan input telah dikemukakan.





## **TEACHERS' PERSPECTIVE TOWARDS THE IMPLEMENTATION OF TECHNOLOGY AND DESIGN STANDARD CURRICULUM FOR FORM ONE IN SECONDARY SCHOOL**

### **ABSTRACT**

The purpose of this study is to evaluate the implementation of the Technology and Design Standard Curriculum (RBT) for form one at Malaysian Secondary School. The evaluation were based on the CIPP evaluation model by Stufflebeam (1971). The evaluated aspects were Context and Input. The aspect of context includes the teachers' readiness, courses for teachers and suitability of the "RBT" content. Meanwhile, the aspect of input includes the school's effort to provide curriculum materials and physical facilities for the implementation of "RBT" subject. A programme evaluation research design with qualitative methodology was used. A total of five respondents were involved in this study. The data was gathered through interviews and observations. Checklist were used to strengthen the findings of the study. From the aspect of context, the findings showed that Living Skill (LS) teachers are willing to implement RBT Standard Curriculum. Overall, LS teachers agreed that the "RBT" courses which were provided had helped in their teaching to certain but does not meet of the needs of teachers whom requires further courses. The study also found that the content of "RBT" subjects is in line with the level of mastering of form one students and leads to 21st Century Education. From the input aspect, it is identified that the curriculum materials and physical facilities provided were insufficient to facilitate the RBT Standard Curriculum needs. Based on the findings it shows that RBT Standard Curriculum could be implemented well but there are still some aspects that need to be added to strengthen the implementation of form one RBT Standard Curriculum. The implications of this study shows that RBT Standard Curriculum courses and physical facilities for teaching and learning RBT Standard Curriculum form one need to be improved. Thus, a set of guidelines to improve the implementation of RBT Standard Curriculum from the aspects of context and input have been proposed.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

|                          |      |
|--------------------------|------|
| <b>PERAKUAN</b>          | ii   |
| <b>PENGESAHAN</b>        | iii  |
| <b>PENGHARGAAN</b>       | iv   |
| <b>ABSTRAK</b>           | v    |
| <b>ABSTRACT</b>          | vi   |
| <b>KANDUNGAN</b>         | vii  |
| <b>SENARAI JADUAL</b>    | xiii |
| <b>SENARAI RAJAH</b>     | xiv  |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b> | xv   |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>  | xvii |

### BAB 1 PENGENALAN

|       |                                                          |    |
|-------|----------------------------------------------------------|----|
| 1.1   | Pendahuluan                                              | 1  |
| 1.2   | Latar Belakang Kajian                                    | 4  |
| 1.3   | Pernyataan Masalah                                       | 6  |
| 1.4   | Objektif Kajian                                          | 11 |
| 1.5   | Soalan Kajian                                            | 11 |
| 1.6   | Kerangka Konseptual Kajian                               | 12 |
| 1.6.1 | Huraian Penilaian Dimensi Konteks<br>(Keperluan Guru KH) | 15 |



|       |                                                                      |    |
|-------|----------------------------------------------------------------------|----|
| 1.6.2 | Huraian Penilaian Dimensi Input<br>(Keupayaan Sistem)                | 16 |
| 1.6.3 | Pemboleh Ubah Kajian                                                 | 17 |
| 1.7   | Kepentingan Kajian                                                   | 17 |
| 1.8   | Batasan Kajian                                                       | 19 |
| 1.9   | Definisi Operasional                                                 | 21 |
| 1.9.1 | Penilaian Konteks                                                    | 21 |
| 1.9.2 | Penilaian Input                                                      | 21 |
| 1.9.3 | Kesediaan Guru                                                       | 22 |
| 1.9.4 | Kesesuaian Isi Kandungan Mata Pelajaran<br>Reka Bentuk dan Teknologi | 22 |
| 1.9.5 | Bahan Kurikulum                                                      | 23 |
| 1.9.6 | Kemudahan Fizikal                                                    | 23 |
| 1.9.7 | Pelaksanaan Kurikulum Standard Reka Bentuk<br>dan Teknologi          | 24 |
| 1.9.8 | Kemahiran                                                            | 24 |
| 1.9.9 | Guru Kemahiran Hidup                                                 | 25 |
| 1.10  | Rumusan                                                              | 25 |

## **BAB 2      TINJAUAN LITERATUR**

|     |                                                                |    |
|-----|----------------------------------------------------------------|----|
| 2.1 | Pengenalan                                                     | 26 |
| 2.2 | Kemahiran Hidup Bersepadu                                      | 27 |
| 2.3 | Reka Bentuk dan Teknologi Sebagai Mata Pelajaran               | 30 |
| 2.4 | Kurikulum Standard Reka Bentuk dan Teknologi<br>Tingkatan Satu | 31 |



|         |                                                                        |    |
|---------|------------------------------------------------------------------------|----|
| 2.4.1   | Struktur Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi Tingkatan Satu            | 32 |
| 2.4.2   | Komponen Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi Tingkatan Satu            | 33 |
| 2.4.3   | Pentaksiran Sekolah Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi Tingkatan Satu | 35 |
| 2.4.3.1 | Standard Prestasi Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi                  | 37 |
| 2.4.3.2 | Tafsiran Tahap Penguasaan Murid                                        | 38 |
| 2.4.3.3 | Format Pentaksiran Reka Bentuk dan Teknologi                           | 38 |
| 2.5     | Pelaksanaan Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi Tingkatan Satu         | 40 |
| 2.6     | Faktor Yang Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum                         | 42 |
| 2.6.1   | Kesediaan Guru                                                         | 44 |
| 2.6.2   | Kesesuaian Isi Kandungan Mata Pelajaran                                | 50 |
| 2.6.3   | Bahan Kurikulum                                                        | 55 |
| 2.6.4   | Kemudahan Fizikal                                                      | 59 |
| 2.7     | Kajian Lepas Mengenai Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu         | 63 |
| 2.8     | Model Penilaian Dalam Pelaksanaan Kurikulum                            | 74 |
| 2.8.1   | Model Penilaian 'Objective-Driven' Oleh Ralph Tyler (1949)             | 75 |
| 2.8.2   | Model Penilaian Responsif Oleh Robert Stake (1967)                     | 75 |
| 2.8.3   | Model Penilaian Ketidaksamaan (Discrepancy) Oleh Malcom Provus (1973)  | 77 |



|       |                                                     |    |
|-------|-----------------------------------------------------|----|
| 2.8.4 | Model Penilaian CIPP Oleh Daniel Stufflebeam (1971) | 78 |
| 2.9   | Rasional Pemilihan Model CIPP                       | 83 |
| 2.10  | Rumusan                                             | 87 |

### **BAB 3      METODOLOGI**

|        |                                           |     |
|--------|-------------------------------------------|-----|
| 3.1    | Pengenalan                                | 88  |
| 3.2    | Reka Bentuk Kajian                        | 89  |
| 3.3    | Lokasi Kajian Dan Responden Kajian        | 91  |
| 3.3.1  | Lokasi Kajian                             | 91  |
| 3.3.2  | Responden Kajian                          | 94  |
| 3.4    | Instrumen Dan Protokol Kajian             | 95  |
| 3.4.1  | Protokol Temu Bual                        | 95  |
| 3.4.2  | Protokol Pemerhatian                      | 96  |
| 3.4.3  | Peranan Pengkaji                          | 97  |
| 3.5    | Kajian Rintis                             | 98  |
| 3.6    | Kebolehpercayaan Dan Kesahan Data         | 99  |
| 3.7    | Etika Kajian                              | 101 |
| 3.8    | Pentadbiran Protokol Dan Pengumpulan Data | 103 |
| 3.9    | Prosedur Menjalankan Kajian               | 105 |
| 3.10   | Prosedur Pengumpulan Data                 | 109 |
| 3.10.1 | Prosedur Temu Bual                        | 109 |
| 3.10.2 | Prosedur Pemerhatian                      | 112 |
| 3.11   | Prosedur Analisis Data                    | 116 |
| 3.12   | Rumusan                                   | 121 |



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

|         |                                                                                                               |     |
|---------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.1     | Pengenalan                                                                                                    | 122 |
| 4.2     | Profil Responden Kajian                                                                                       | 123 |
| 4.3     | Dapatan Kajian Temu Bual Dan Pemerhatian                                                                      | 126 |
| 4.3.1   | Soalan Kajian Pertama: Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan Mata Pelajaran RBT Tingkatan Satu                     | 127 |
| 4.3.1.1 | Dapatan Temu Bual                                                                                             | 127 |
| 4.3.1.2 | Dapatan Pemerhatian                                                                                           | 143 |
| 4.3.2   | Soalan Kajian Kedua: Kesesuaian Isi Kandungan Mata Pelajaran RBT Tingkatan Satu                               | 152 |
| 4.3.2.1 | Dapatan Temu Bual                                                                                             | 152 |
| 4.3.2.2 | Dapatan Pemerhatian                                                                                           | 156 |
| 4.3.3   | Soalan Kajian Ketiga: Bahan Kurikulum RBT Yang Dibekalkan Untuk Pelaksanaan Mata Pelajaran RBT Tingkatan Satu | 160 |
| 4.3.3.1 | Dapatan Temu Bual                                                                                             | 160 |
| 4.3.3.2 | Dapatan Pemerhatian                                                                                           | 165 |
| 4.3.4   | Soalan Kajian Keempat: Kemudahan Fizikal Yang Disediakan Untuk Pelaksanaan Mata Pelajaran RBT Tingkatan Satu  | 167 |
| 4.3.4.1 | Dapatan Temu Bual                                                                                             | 167 |
| 4.3.4.2 | Dapatan Pemerhatian                                                                                           | 176 |
| 4.4     | Rumusan                                                                                                       | 178 |



**BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

|       |                                                                                                                                                   |     |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1   | Pengenalan                                                                                                                                        | 180 |
| 5.2   | Latar Belakang Responden                                                                                                                          | 181 |
| 5.3   | Ringkasan Kajian                                                                                                                                  | 182 |
| 5.4   | Perbincangan Dapatan Kajian                                                                                                                       | 185 |
| 5.4.1 | Pandangan Guru Terhadap Kesiediaan<br>Melaksanakan Kurikulum Standard Reka<br>Bentuk dan Teknologi Tingkatan Satu                                 | 185 |
| 5.4.2 | Pandangan Guru Terhadap Isi Kandungan<br>Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi<br>Tingkatan Satu                                               | 190 |
| 5.4.3 | Pandangan Guru Terhadap Bahan Kurikulum<br>Yang Dibekalkan Untuk Melaksanakan<br>Kurikulum Standard Reka Bentuk dan<br>Teknologi Tingkatan Satu   | 192 |
| 5.4.4 | Pandangan Guru Terhadap Kemudahan<br>Fizikal Yang Disediakan Untuk Melaksanakan<br>Kurikulum Standard Reka Bentuk dan<br>Teknologi Tingkatan Satu | 194 |
| 5.5   | Implikasi Kajian Dan Cadangan                                                                                                                     | 197 |
| 5.6   | Cadangan Penyelidikan Lanjutan                                                                                                                    | 202 |
| 5.7   | Kesimpulan                                                                                                                                        | 203 |

|                |     |
|----------------|-----|
| <b>RUJUKAN</b> | 206 |
|----------------|-----|

**LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

| No. Jadual                                                                        | Muka surat |
|-----------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 2.1. Objektif Umum KSSM Reka Bentuk dan Teknologi<br>Tingkatan Satu               | 31         |
| 2.2 Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan<br>Standard Prestasi            | 32         |
| 2.3 Kandungan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran<br>(DSKP) Tingkatan Satu | 33         |
| 2.4 Tafsiran Umum Tahap Penguasaan Reka Bentuk dan Teknologi                      | 37         |
| 2.5 Tafsiran Tahap Penguasaan Seseorang Murid                                     | 38         |
| 2.6 Format Pentaksiran Reka Bentuk dan Teknologi Tingkatan Satu                   | 39         |
| 3.1 Pentadbiran Protokol dan Pengumpulan Data                                     | 105        |
| 4.1 Demografi Peserta Kajian                                                      | 126        |

## SENARAI RAJAH

| No. Rajah                                                                                                                               | Muka Surat |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.1 Kerangka konsep kajian pelaksanaan kurikulum standard RBT berasaskan Model Penilaian CIPP. Diadaptasi dari Stufflebeam et al., 1971 | 14         |
| 3.1 Prosedur menjalankan kajian                                                                                                         | 108        |



## SENARAI SINGKATAN

DSKP Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

ERT Ekonomi Rumah Tangga

JPN Jabatan Pendidikan Negeri

KBSM Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

KH Kemahiran Hidup

KHB Kemahiran Hidup Bersepadu



KPM Kementerian Pendidikan Malaysia

KS RBT Kurikulum Standard Reka Bentuk dan Teknologi

KSSM Kurikulum Standard Sekolah Menengah

KSSR Kurikulum Standard Sekolah Rendah

KV Kolej Vokasional

PdPc Pembelajaran dan Pemudahcaraan

PPD Pejabat Pendidikan Daerah

PTV Pendidikan Teknikal dan Vokasional

RBT Reka Bentuk dan Teknologi

RPH Rancangan Pengajaran Harian





|     |                             |
|-----|-----------------------------|
| RPT | Rancangan Pelajaran Tahunan |
| SMK | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| SMT | Sekolah Menengah Teknik     |



## SENARAI LAMPIRAN

- A Protokol Temu Bual Guru.
- B Soalan Temu Bual.
- C Protokol Pemerhatian Pengajaran dan Pembelajaran RBT.
- D Senarai Semak Pemerhatian Sesi Pengajaran Responden Kajian.
- E Senarai Semak Pemerhatian Aktiviti Pembelajaran Murid.
- F Surat Permohonan untuk Menjalankan Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Bangsar Kuala Lumpur (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM).
- G Surat Permohonan untuk Menjalankan Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Bangsar, Kuala Lumpur (Jabatan Pendidikan Wilayah Kuala Lumpur).
- H Surat Kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM untuk Menjalankan Kajian.
- I Surat Kebenaran daripada JPN WPKL untuk Menjalankan Kajian.
- J Surat Permohonan Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah (Pengetua Sekolah).
- K Surat Kebenaran dan Persetujuan Responden Kajian.



## BAB 1

### PENGENALAN



#### 1.1 Pendahuluan

Kerajaan Malaysia telah melancarkan Pelan Transformasi Ekonomi Negara pada tahun 2010 untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara seterusnya mencapai sasaran untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Malaysia dilihat giat melakukan dan mencari pelbagai usaha serta alternatif untuk mempertingkatkan mutu dan kualiti sumber tenaga manusia (Ahmad Esa, Norsuhaila Sapon, & Sapon Ibrahim, 2011). Ini kerana pembangunan sumber manusia merupakan kunci kepada peningkatan daya saing negara (Hanin Farhan & Muhammad Hussin, 2012). Kesan daripada itu, aspek pendidikan dan pembangunan sumber manusia telah diberi penekanan dalam setiap rancangan pembangunan negara (Afaf Ahmad Jalaludin & Muhammad Hussin, 2012).





Kepesatan pembangunan negara sememangnya memerlukan modal insan yang berkualiti, berilmu dan berkemahiran dalam mencapai misi nasional. Bagi mencapai hasrat tersebut, pembangunan modal insan dilihat memainkan peranan yang besar dalam proses perancangan dan pelaksanaan agenda pembangunan negara (Yahaya Ibrahim & Abd Hair Awang, 2008). Dalam usaha negara untuk mencapai hasrat ini, kelayakan pendidikan dan tahap kemahiran dalam bidang teknikal dan profesional serta paras produktiviti yang tinggi amat diperlukan. Salah satu strategi yang dilaksanakan adalah meningkatkan kemahiran individu untuk meluaskan kebolehpasaran dalam pekerjaan (Unit Perancang Ekonomi, 2010).



Bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk melahirkan individu yang berkemahiran dan kebolehpasaran dalam pekerjaan, Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) memainkan peranan yang penting untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri yang dapat melahirkan tenaga kerja yang mahir dan terlatih, di mana PTV menjadi pelopor kepada pembekalan tenaga kerja di bidang pembuatan, pemakanan dan pertukangan. Proses mengarusperdanakan PTV melalui transformasi PTV telah menaik taraf Sekolah Menengah Teknik (SMT) menjadi Kolej Vokasional (KV) pada tahun 2011 secara berperingkat (Siti Syahirah Abdullah Zawawi, 2011).

Dalam sebuah negara yang kian pesat membangun, perubahan-perubahan dalam bidang pendidikan tidak dapat dielakkan. Ini adalah perlu bagi menampung keperluan-keperluan baharu dalam pelbagai bidang. Semenjak pendidikan pra vokasional diperkenalkan pada tahun 1965, banyak perubahan yang dinamik telah dilakukan dalam





PTV bagi memenuhi hasrat kerajaan dan hala tuju pendidikan negara sejajar dengan perkembangan sains dan teknologi. Kurikulum yang sesuai dan berkualiti harus dibina atau diubah supaya individu yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan semasa. Perubahan dan pembaharuan dalam pendidikan penting untuk membangunkan generasi alaf baru agar dapat menghasilkan modal insan berkemahiran bertaraf dunia yang diperlukan Malaysia dalam fasa terakhir untuk menjadi sebuah negara maju.

Perkembangan dalam pelbagai bidang ilmu menyebabkan peningkatan kepada keperluan untuk menilai semula kurikulum sedia ada (Ornstein & Hunkins, 2009; Fitzpatrick, Sanders, & Worthen, 2004). Penilaian ini penting supaya ilmu baharu yang akan dibekalkan kepada murid seimbang dengan keperluan semasa. Oleh yang demikian, sekali lagi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) digantikan kepada Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Sehubungan dengan itu, Kurikulum Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) juga telah digantikan kepada Kurikulum Standard Reka Bentuk dan Teknologi (KS RBT). Pelaksanaan KS RBT akan bermula sepenuhnya untuk tingkatan satu pada tahun 2017 di seluruh Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Sebagai persediaan kepada pertukaran silibus KHB kepada KS RBT, uji rintis KSSM RBT telah dilakukan yang bertujuan untuk meninjau kebolehlaksanaan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi pelaksanaan KSSM, mendapat input untuk tujuan penambahbaikan DSKP KSSM dan untuk mendapatkan pandangan guru terhadap kandungan DSKP tersebut. Uji rintis KS RBT telah bermula





pada tahun 2015 untuk murid tingkatan satu. Terdapat sembilan buah sekolah menengah yang telah dipilih untuk menjalani uji rintis KS RBT untuk tingkatan satu, sekolah tersebut ialah SMK Putrajaya Persint 8 (1) Putrajaya, SMK Taman Yarl Kuala Lumpur, SMK Dengkil Selangor, SMK Sulaiman Bentong Pahang, SMK Jalan 3 Bandar Baru Bangi Selangor, SMK Tengku Mizan Zainal Abidin Terengganu, SMK Bandar Baru Salak Tinggi, SMK Parit Bunga Batu Pahat, Johor, dan SMK Dato' Haji Mohd Redza, Seremban Negeri Sembilan. Manakala untuk tingkatan dua, uji rintis telah bermula pada awal tahun 2016 di tujuh buah sekolah yang terpilih. Sekolah tersebut ialah SMK Seri Bintang Selatan Kuala Lumpur, SMK Jalan Empat Selangor, SMK (P) Jalan Ipoh Kuala Lumpur, SMK Jelai Kuala Pilah Negeri Sembilan, SMK Putrajaya Presint 16 (1) Putrajaya, SMK Putrajaya Presint 14 (1) Putrajaya, dan SMK Taman Tun Dr Ismail Kuala Lumpur.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) diperkenalkan pada tahun 2017 secara berperingkat bermula dengan tingkatan satu. KSSM adalah kesinambungan hasil daripada transformasi pendidikan yang bermula dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011. Salah satu mata pelajaran yang diperkenalkan dalam KSSM ialah RBT yang akan diajar kepada murid di Tahap III (Tingkatan satu hingga tiga). RBT tingkatan satu hingga tiga adalah kesinambungan daripada mata pelajaran RBT yang telah diperkenalkan kepada murid





di Tahap II sekolah rendah. Kurikulum RBT di sekolah menengah telah digubal bagi menggantikan mata pelajaran KHB sekolah menengah yang telah diperkenalkan pada tahun 1989 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

KS RBT merupakan penggerak kepada pendidikan masa kini kerana ianya mengarah kepada pendidikan abad ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. KS RBT telah digubal berteraskan kepada kemahiran berfikir aras tinggi untuk melahirkan murid yang lebih kreatif, kritis, inovatif, inventif dan berfikiran keusahawanan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).



RBT merupakan mata pelajaran elektif wajib yang memfokuskan kepada aktiviti pembelajaran mereka bentuk dalam penghasilan produk berasaskan teknologi iaitu untuk melahirkan murid yang boleh berkarya dalam menghasilkan produk yang mudah, bermakna dan berfungsi. Sepanjang persekolahan, murid didedahkan dengan pembelajaran teori dan amali di bengkel-bengkel yang sedia ada iaitu bengkel Kemahiran Hidup (KH). Aktiviti pengajaran dan pembelajaran menekankan penguasaan murid terhadap semua bidang dalam kurikulum RBT iaitu merangkumi bidang awam, elektrik, elektronik, mekanikal, sains rumah tangga, sains pertanian dan pengurusan kewangan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).





Oleh kerana KS RBT sekolah menengah merupakan kurikulum baharu yang dilaksanakan pada tahun 2017, penguasaan standard kandungan dan standard pembelajaran dalam kurikulum RBT sangat dituntut. Justeru, tahap keupayaan pengajaran dan pandangan guru-guru KH harus diambil kira untuk memastikan pelaksanaan KS RBT dapat mencapai hasrat pemerolehan kemahiran pendidikan abad ke-21 serta memberi kesan positif kepada aktiviti pendidikan negara.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Ishak Ramli (2004) kurikulum merupakan nadi dan ilmu teras di dalam bidang pendidikan. Beliau turut menyatakan bahawa produk yang baik dihasilkan daripada satu sistem pendidikan yang terancang. Zawawi Ismail (2008) pula menyatakan pendidikan yang terancang itu bermula dari peringkat pembinaan kurikulum yang berkualiti seterusnya pelaksanaan kurikulum tersebut. Beliau berkata kualiti sesebuah sistem pendidikan dalam sesebuah negara bergantung pada kualiti kurikulum yang dibina melalui peringkat perancangan dan pelaksanaan yang berkesan. Oleh itu, atas dasar keperluan dan kehendak kepada perubahan kandungan kurikulum pendidikan, guru merupakan tunggak utama pelaksana kurikulum yang harus mempunyai sikap positif untuk menyokong sebarang perubahan kurikulum tersebut (Yahya Buntat, 2009). Walau bagaimanapun terdapat segelintir guru yang tidak dapat menghayati anjakan perubahan ini dengan berkesan (Aini Hassan & Wan Hasmah Wan Mamat, 2007). Menurut Heri Retnawati (2015) dan Eraslan Ali (2013) kajian menunjukkan



bahawa guru menghadapi kesukaran melaksanakan aktiviti pengajaran dalam bilik darjah apabila melaksanakan kurikulum baharu. Ini kerana, mereka kurang yakin cara yang terbaik untuk melaksanakan perubahan dan kurang jelas berkenaan kandungan kurikulum yang akan dilaksanakan. Guru seharusnya yakin dan perlu tahu tentang keperluan untuk berubah kerana mereka merupakan individu yang terlibat secara langsung dan merupakan agen pelaksana perubahan yang mengetahui keadaan sebenar dalam bidang pendidikan (Misnan Jemali, 2008). Dapatan kajian oleh Ramachandran Vengrasalam dan Azni Jaffar (2003) menunjukkan majoriti daripada guru KH tidak suka perubahan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ini kerana perubahan yang dibuat terlalu drastik dan guru-guru KH tidak bersedia dari segi pengetahuan dan kemahiran. Menurut Stufflebeam et al., (1971) untuk merencanakan sesuatu program baharu, masalah yang wujud sebelum itu perlu diambil kira untuk memastikan masalah itu dapat diselesaikan. Justeru itu, dalam konteks perubahan yang akan berlaku terhadap mata pelajaran KHB yang akan diganti dengan RBT, pandangan guru-guru KH terhadap pelaksanaan KS RBT tingkatan satu perlu dikaji dan diambil kira sama ada mereka bersedia, suka atau tidak kepada perubahan ini.

Kesediaan guru merupakan salah satu elemen penting dalam membantu murid menyesuaikan diri dalam suasana dan kaedah pembelajaran yang baharu (Noraini Attan, 2002). Menurut Amin Senin (2008) kesediaan adalah aspek penting dalam menentukan kejayaan dan kegagalan pelaksanaan perubahan kurikulum. Justeru, untuk mencapai matlamat yang telah digariskan oleh KPM, golongan pendidik perlu memainkan peranan bagi memastikan matlamat pelaksanaan kurikulum tersebut dapat





direalisasikan kerana kejayaan sukatan pelajaran yang baharu sangat bergantung kepada keupayaan guru melaksanakan mata pelajaran tersebut dengan penuh semangat dan dedikasi. Namun begitu, perubahan kurikulum menyebabkan bebanan kerja guru semakin meningkat, secara tidak langsung ia akan menyebabkan tekanan dan ketidakseimbangan emosi guru-guru KH (Kamaruzaman Kamaruddin, 2007; Zuraidah Yaacob, Siti Rahmah Lamin, & Rohan @ Siti Rahmah Mohamed, 2005; Dick & Wagner, 2001). Reilly, Dhingra dan Boduszek (2014) juga mendapati bahawa apabila tahap beban tugas guru meningkat, secara tidak langsung ia akan menyebabkan tekanan yang akan memberikan kesan negatif terhadap kepuasan dan komitmen kerjaya seorang guru. Masalah ini dikhuatiri akan menjadi lebih teruk apabila mata pelajaran RBT dilaksanakan. Di sini timbul persoalan mengenai tahap kesediaan guru KH terhadap pelaksanaan mata pelajaran RBT. Kekangan seperti ini perlu diatasi kerana guru-guru KH adalah tenaga pengajar yang diperlukan untuk mengajar mata pelajaran tersebut.

Dalam pelaksanaan pengajaran RBT, pengetahuan teori dan kepakaran serta kemahiran guru KH dalam mengendalikan dan kaedah menunjuk cara kerja-kerja amali seharusnya menjadi elemen yang sangat penting demi memastikan objektif pengajaran yang ingin disampaikan tercapai. Pendapat ini selaras dengan pandangan Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007) iaitu sifat-sifat guru yang berkesan ialah mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pengajarannya serta dapat menyampaikan isi kandungan pelajaran semasa melakukan aktiviti dan kerja amali. Hasil kajian terhadap pengetahuan





berkaitan kemahiran yang perlu diajar di bilik darjah mendapati guru seharusnya mempunyai keupayaan secara bersepadu antara teori dan praktis (Ab Aziz Yusof, 2009; Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, 2007). Oleh itu, persediaan guru dari aliran teknik seperti guru KH seharusnya berbeza daripada persediaan guru pendidikan harian biasa dan mereka perlu mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pengajaran berasaskan kemahiran amali kerana mereka merupakan pemangkin utama dalam pendidikan berkonsepkan kemahiran.

Bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran, guru mata pelajaran seharusnya dapat menguasai isi kandungan yang terdapat dalam kurikulum (Shulman & Wilson, 2004). Ini kerana, pemahaman guru terhadap isi kandungan mata pelajaran merupakan sesuatu yang penting dan berkaitan dengan proses pembelajaran (Heri Retnawati, 2015; Mizzi, 2013). Berdasarkan kajian W. Romeli W. Mahamud (2000), guru KH kurang berkemahiran mengajar mata pelajaran KHB yang telah ditambah dengan komponen reka cipta. Keadaan ini menyebabkan guru tidak berkemampuan untuk membekalkan murid dengan kemahiran seperti yang diperlukan dalam kurikulum KHB. Menurut Cheung dan Ping (2012) guru yang menghadapi masalah dalam merencanakan pembelajaran adalah disebabkan oleh kekurangan pemahaman guru terhadap kurikulum tersebut. Pengetahuan dan kemahiran yang cukup adalah penting untuk membina minat dan sikap guru dalam proses pengajarannya. Justeru itu, pengukuran dan penilaian keberkesanan pengajaran guru-guru KH tidak dapat diukur dengan tepat kerana berlaku ketidakseimbangan pengetahuan dan pengaplikasian dalam mata pelajaran KHB.



Kemudahan bahan kurikulum, peralatan, bengkel dan kawasan pembelajaran RBT yang lengkap serta peruntukan kewangan yang mencukupi juga memainkan peranan yang sangat besar dalam mempengaruhi kejayaan pelaksanaan kurikulum RBT. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah perlu menyediakan kemudahan, bahan, dan peralatan yang mencukupi supaya sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dapat dijalankan dalam keadaan yang memuaskan. Ini kerana kepuasan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran juga dipengaruhi oleh kemudahan peralatan sokongan (Maimunah Sapri, Kaka, & Finch, 2009). Ketidacukupan kemudahan bahan kurikulum, peralatan, bengkel, kawasan serta tempat pembelajaran akan menyebabkan guru sukar memberi tunjuk cara yang betul dalam pengajarannya manakala murid tidak mendapat pengetahuan cara menggunakan dan mengendalikan sesuatu alatan dengan baik. Kenyataan ini bertepatan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Azila Dason (2012) iaitu kekurangan alatan dan bahan menyebabkan murid terpaksa berkongsi menggunakan alatan dalam membuat kerja kursus dan amali menyebabkan tugas mereka tidak dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan.

Bertitik tolak daripada sukatan mata pelajaran KHB yang mengalami transformasi dan diganti dengan mata pelajaran RBT, pengkaji berpendapat pelaksanaan KS RBT tingkatan satu perlu dikaji bagi mengenal pasti kesediaan guru dalam melaksanakan kurikulum RBT, kesesuaian isi kandungan mata pelajaran RBT, bahan kurikulum RBT, dan kemudahan yang disediakan mengikut pandangan guru-guru KH yang mengajar RBT tingkatan satu di sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia.





## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti kesediaan guru dalam pelaksanaan mata pelajaran RBT tingkatan satu.
2. Mengenal pasti kesesuaian isi kandungan mata pelajaran RBT tingkatan satu.
3. Mengenal pasti bahan kurikulum RBT yang dibekalkan untuk pelaksanaan mata pelajaran RBT tingkatan satu.
4. Mengenal pasti kemudahan fizikal yang disediakan untuk pelaksanaan mata pelajaran RBT tingkatan satu.



## 1.5 Soalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah pandangan guru terhadap kesediaannya dalam pelaksanaan mata pelajaran RBT tingkatan satu?
2. Apakah pandangan guru KH berkaitan kesesuaian isi kandungan mata pelajaran RBT tingkatan satu?
3. Apakah pandangan guru KH berkaitan bahan kurikulum RBT yang dibekalkan untuk pelaksanaan mata pelajaran RBT tingkatan satu?
4. Apakah pandangan guru berkaitan kemudahan fizikal yang disediakan untuk pelaksanaan mata pelajaran RBT tingkatan satu?





## 1.6 Kerangka Konseptual Kajian


Kerangka konseptual kajian ini menggunakan rangka asas model penilaian CIPP yang dibina oleh Stufflebeam et al., (1971) sebagai panduan asas dalam penilaian pelaksanaan KS RBT tingkatan satu kerana model penilaian CIPP berfokus kepada proses membuat keputusan ke arah menambah baik sesuatu program. Justifikasi pemilihan model penilaian CIPP berbanding model-model penilaian lain kerana model ini bersesuaian dengan tujuan kajian ini, iaitu menilai pelaksanaan KS RBT tingkatan satu di peringkat sekolah menengah untuk mengetahui status pelaksanaan KS RBT di peringkat permulaan pelaksanaan KS RBT sama ada sesuai atau boleh ditambah baik dalam kurikulum pada masa depan. Azizi Yahaya (2007) menyatakan model penilaian CIPP yang telah diperkenalkan oleh Daniel Stufflebeam merupakan model yang sesuai digunakan sebagai panduan untuk mengkaji keberkesanan sesuatu program.

Daripada empat aspek penilaian CIPP iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk, kajian ini hanya memfokuskan kepada aspek ‘konteks’ dan ‘input’ untuk menilai pelaksanaan KS RBT tingkatan satu. Menurut Abdul Rahim Hamdan (2007) proses penilaian terhadap sesuatu program boleh dilakukan dengan menggunakan keempat-empat aspek dalam CIPP atau menggunakan salah satu daripada aspek-aspek tersebut. Aspek penilaian proses dan penilaian produk tidak dikaji memandangkan pelaksanaan KS RBT tingkatan satu masih di peringkat permulaan pelaksanaan dan penstrukturan kurikulum. Oleh itu pengkaji merasakan penilaian aspek proses dan produk lebih sesuai dikaji jika KS RBT sudah berada dalam



peringkat pelaksanaan operasi kurikulum. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan dijalankan mengikut suatu kerangka konsep kajian seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.





Rajah 1.1. Kerangka konsep kajian pelaksanaan kurikulum standard RBT berasaskan Model Penilaian CIPP. Diadaptasi dari Stufflebeam et al., 1971



### 1.6.1 Huraian Penilaian Dimensi Konteks (Keperluan Guru KH)

Penilaian dimensi konteks lazimnya merupakan strategi paling awal dan asas kepada penilaian yang seterusnya (Abdul Majeed Makkai, 2009). Penilaian dimensi konteks digunakan untuk mengenal pasti keperluan pada peringkat asas pelaksanaan sesuatu program yang tidak dipenuhi (Stufflebeam et al., 1971). Dalam konteks kajian ini, keperluan guru yang tidak dipenuhi akan dikenal pasti agar satu persekitaran yang mampu mendorong pelaksanaan KS RBT di sekolah dapat disediakan. Ini kerana sesuatu program pendidikan tidak dapat dijalankan dengan berkesan tanpa bimbingan seorang guru yang berpengetahuan dan layak, walaupun program tersebut mempunyai murid yang berminat, kemudahan dan peralatan yang lengkap serta berkualiti (Bentley, 1977). Lu dan Miller (2002) menyatakan untuk memenuhi keperluan pengetahuan guru vokasional, mereka sangat bergantung kepada kursus-kursus yang diberi kerana kelulusan dan pengalaman mengajar guru vokasional menunjukkan hubungan yang lemah dengan aspek keperluan pengetahuan guru tersebut.

Dalam dimensi konteks kajian ini, keperluan guru KH yang tidak dipenuhi ditinjau dengan menilai kursus-kursus RBT yang telah diikuti oleh mereka. Kursus yang diberi harus memenuhi keperluan guru KH agar pelaksanaan KS RBT dapat dilaksanakan dengan baik. Kajian juga akan menumpukan pengumpulan maklumat daripada pandangan guru KH terhadap kesediaan mereka yang akan mengajar mata pelajaran RBT tingkatan satu, tinjauan dari segi kesesuaian objektif kurikulum terhadap keperluan murid di bidang RBT dan tinjauan kesesuaian KS RBT dengan tahap



kesediaan kognitif murid dilakukan. Di samping itu, kajian akan mengupas sama ada isi kandungan KS RBT yang diguna pakai bersesuaian dan relevan untuk memenuhi keperluan dunia pendidikan abad ke-21.

### **1.6.2 Huraian Penilaian Dimensi Input (Keupayaan Sistem)**

Penilaian dimensi input digunakan untuk mengenal pasti keupayaan sistem yang bertanggungjawab melaksanakan sesuatu program (Stufflebeam et al., 1971). Dalam kajian ini, penilaian input merujuk kepada keupayaan pihak sekolah yang bertanggungjawab dalam menyediakan bahan kurikulum, kemudahan bengkel serta peralatan RBT yang mencukupi, bersesuaian dan berfungsi bagi melaksanakan kurikulum RBT di peringkat sekolah. Berbeza dengan jenis pendidikan yang lain, kualiti dan keberkesanan pendidikan teknik vokasional sangat dipengaruhi oleh komponen-komponen logistik seperti kemudahan bengkel dan peralatan (Chinapah & Miron, 1990). Kelemahan dan kekurangan dalam aspek-aspek tersebut akan menyebabkan pelaksanaan aktiviti amali dalam program vokasional di sekolah terjejas (Werner, 2004; Walden, 2001). Dalam dimensi input, bahan kurikulum, kemudahan bengkel serta peralatan RBT dinilai dari segi kecukupan, kesesuaian dan kefungsiannya input tersebut. Oleh itu, pihak sekolah yang bertanggungjawab hendaklah mampu menyediakan bahan kurikulum, kemudahan bengkel serta peralatan RBT yang mencukupi, bersesuaian dan berfungsi supaya pelaksanaan kurikulum RBT dapat dijalankan tanpa sebarang gangguan.



### 1.6.3 Pemboleh Ubah Kajian

Dalam kajian ini, pemboleh ubah tidak bersandar adalah diwakili dimensi konteks dan dimensi input iaitu merujuk kepada aspek keperluan guru; kesediaan guru KH, kesesuaian isi kandungan kurikulum RBT, bahan kurikulum dan kemudahan fizikal. Aspek-aspek ini dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi pelaksanaan kurikulum RBT tingkatan satu. Manakala pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada hasil penilaian pelaksanaan kurikulum RBT tingkatan satu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keupayaan aspek; kesediaan guru KH, kesesuaian isi kandungan kurikulum RBT, bahan kurikulum dan kemudahan fizikal dalam mempengaruhi pelaksanaan KS RBT tingkatan satu berdasarkan pandangan guru-guru KH.

### 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk dijadikan rujukan pihak-pihak tertentu seperti guru, sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia terutamanya Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional. Dengan adanya kajian ini, ia dapat memberi informasi tentang mata pelajaran RBT tingkatan satu.





Hasil kajian ini diharapkan dapat mendorong dan membantu guru KH yang bakal mengajar RBT agar lebih bersedia dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran, sikap dan emosi mereka dalam menerima sesuatu perubahan kurikulum. Ia juga dapat menjadi panduan kepada guru dalam merancang proses pembelajaran dan pemudahcaraan bagi membolehkan murid mempelajari isi pelajaran dengan berkesan. Di samping itu, dapatan kajian ini dapat memberi maklumat kepada guru dan bakal guru KH dalam memperkembangkan potensi kesedaran diri, pengurusan diri, kesedaran sosial, motivasi diri, kemahiran sosial dan memahami peranan serta tanggungjawab masing-masing dalam mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan dan kemahiran supaya pelaksanaan mata pelajaran RBT dapat dilaksanakan secara berkesan. Ini kerana dapatan kajian ini akan menunjukkan setakat mana tahap kesediaan mereka terhadap pelaksanaan RBT.

Selain daripada itu, dapatan kajian ini juga dapat digunakan sebagai panduan dan memberi maklumat kepada pihak sekolah untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru-guru KH yang bakal mengajar mata pelajaran RBT. Kajian ini diharap dapat membantu pihak sekolah dalam memohon peruntukan untuk meningkatkan kemudahan bahan dan alatan bengkel serta bahan kurikulum bagi mata pelajaran RBT. Pihak sekolah juga boleh membuat permohonan kepada KPM supaya merancang kursus-kursus lanjutan yang berkaitan dengan mata pelajaran RBT dan juga yang berkaitan dengan profesion perguruan. Secara tidak langsung, kajian ini dapat membantu pihak sekolah untuk melahirkan seorang guru yang berkualiti selaras dengan hasrat KPM untuk mencapai pendidikan bertaraf kelas pertama.





Dapatan kajian ini juga diharap dapat digunakan sebagai rujukan pihak KPM khususnya Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk menambah baik dan meningkatkan serta memperkayakan lagi ilmu para guru yang bakal mengajar mata pelajaran RBT seperti mengadakan kursus-kursus lanjutan, menyedia dan merancang program-program tertentu yang bersesuaian. Hasil kajian ini boleh digunakan oleh pihak KPM untuk membuat pemantauan terhadap proses pelaksanaan mata pelajaran RBT di sekolah menengah serta boleh dijadikan sebagai panduan untuk memperkemaskan lagi pelaksanaan kurikulum RBT dalam sistem pendidikan.



### 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini berfokus kepada empat persoalan kajian iaitu berkenaan pandangan guru-guru KH terhadap kesediaannya dalam pelaksanaan mata pelajaran RBT tingkatan satu, pandangan guru berkaitan kesesuaian isi kandungan mata pelajaran RBT tingkatan satu, pandangan guru berkaitan bahan kurikulum RBT yang dibekalkan untuk pelaksanaan mata pelajaran RBT tingkatan satu serta pandangan guru berkaitan kemudahan fizikal yang disediakan untuk pelaksanaan mata pelajaran RBT tingkatan satu.

Kumpulan sasaran kajian ini adalah guru KH sekolah menengah yang mengajar mata pelajaran RBT tingkatan satu. Kajian ini dibataskan kepada dua buah Sekolah Menengah Kerajaan di Zon Bangsar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.





Pemilihan lokasi sekolah iaitu sekolah bandar berdasarkan senarai nama sekolah yang telah menjalani uji rintis KS RBT dan yang tidak menjalani uji rintis KS RBT. Pemilihan lokasi turut mengambil kira faktor masa, kos terhadap kajian, jarak lokasi dengan tempat kediaman pengkaji.

Hanya lima orang guru KH yang akan terlibat dalam kajian ini. Oleh kerana kajian ini menggunakan soalan temu bual dalam pengumpulan data, maka data kajian ini bergantung kepada kejujuran responden memberi respon terhadap pernyataan-pernyataan yang dikemukakan. Masalah yang dikaji terbatas kepada item yang dikemukakan dalam soalan-soalan temu bual bersama guru-guru KH yang mengajar mata pelajaran RBT tingkatan satu. Kajian ini juga menggunakan senarai semak dan rakaman audio dalam pengutipan data pemerhatian terhadap pengajaran guru-guru KH dalam melaksanakan PdPc mata pelajaran RBT di kelas dan penglibatan murid-murid dalam pembelajarannya.





## 1.9 Definisi Operasional

Kajian ini menggunakan beberapa definisi untuk istilah-istilah penting seperti berikut :

### 1.9.1 Penilaian Konteks

Menurut Stufflebeam et al., (1971) penilaian konteks merupakan penilaian yang paling asas dan digunakan untuk mengenal pasti keperluan pada peringkat asas pelaksanaan sesuatu program. Dalam kajian ini, penilaian konteks digunakan untuk mengenal pasti keperluan guru KH yang tidak dipenuhi, menilai kesediaan guru KH dan kesesuaian isi



kandungan mata pelajaran RBT.

### 1.9.2 Penilaian Input

Penilaian input digunakan untuk mengenal pasti keupayaan sistem yang bertanggungjawab melaksanakan sesuatu program (Stufflebeam et al., 1971). Dalam kajian ini, penilaian input merujuk kepada keupayaan pihak sekolah dalam menyediakan bahan kurikulum dan kemudahan fizikal bagi melaksanakan kurikulum RBT di peringkat sekolah.





### 1.9.3 Kesiediaan Guru

Habib Mat Som (2005) berpendapat, tahap kesiediaan guru terbahagi kepada motivasi, sikap, pengetahuan dan kemahiran. Dalam kajian ini kesiediaan adalah merujuk kepada kesiediaan guru KH dari aspek penguasaan dan kemahiran mengajar teori dan amali kurikulum RBT tingkatan satu di sekolah menengah Malaysia.

### 1.9.4 Kesesuaian Isi Kandungan Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi

Isi kandungan merupakan dokumen yang memperincikan tentang topik-topik yang perlu dilaksanakan dan diajarkan kepada murid. Ia digunakan oleh guru sebagai garis panduan dalam pengajaran sepanjang tahun. Dalam kajian ini, kesesuaian isi kandungan adalah merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran RBT tingkatan satu yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran mengandungi standard prestasi yang perlu dikuasai murid mengikut tahap penguasaan yang telah disediakan untuk memudahkan guru melaksanakannya.



### 1.9.5 Bahan Kurikulum

Menurut Finch & Crunkilton (2005) bahan kurikulum merupakan sumber-sumber yang digunakan oleh guru untuk mencapai objektif pengajaran terhadap murid. Dalam kajian ini, bahan kurikulum merangkumi bahan bantu mengajar, sumber panduan dan bahan rujukan yang dibekalkan serta digunakan oleh guru-guru untuk mengajar mata pelajaran RBT tingkatan satu.

### 1.9.6 Kemudahan Fizikal



Kemudahan merujuk kepada kemudahan fizikal atau logistik (Ornstein & Levine, 2008). Dalam kajian ini, kemudahan membawa maksud kemudahan fizikal yang terdapat di sekolah untuk melaksanakan kurikulum RBT merangkumi bengkel KH, peralatan latihan, peralatan kerja amali, bahan bercetak dan peralatan teknologi pengajaran, bahan guna habis serta kemudahan peruntukan kewangan.

Alatan yang diambil kira dalam kajian ini ialah alatan yang digunakan untuk melakukan kerja amali seperti alatan pertukangan, alatan elektrik, alatan pertanian, alat tulis untuk amali lakaran dan alatan menjahit. Bahan guna habis ialah bahan yang digunakan bagi tujuan PdPc untuk tujuan amali. Bahan ini akan habis atau luak apabila telah digunakan iaitu penggunaannya hanya satu atau beberapa kali guna atau tidak tahan lama. Dalam kajian ini, bahan guna habis termasuk semua bahan-bahan guna





habis yang digunakan untuk tujuan amali seperti pensel, kertas putih A4, gam, kain gam, pelekat, velcrow, benang, kain keras, kapur penanda, baja, bahan media Fertigasi, biji benih, dawai, dan lain-lain bahan guna habis.

### **1.9.7 Pelaksanaan Kurikulum Standard Reka Bentuk dan Teknologi**

Pelaksanaan dalam kajian ini bermaksud pelaksanaan KS RBT di peringkat sekolah menengah rendah seperti yang dirancang oleh pihak KPM dan merujuk kepada pandangan guru KH terhadap pelaksanaan KS RBT di sekolah; kesediaan guru, kesesuaian isi kandungan mata pelajaran RBT, kemudahan bahan kurikulum, peralatan dan bengkel KH serta kawasan pembelajaran RBT.

### **1.9.8 Kemahiran**

Kemahiran ialah kecekapan, kepandaian serta terlatih untuk melakukan sesuatu kerja. Dalam kajian ini, kemahiran yang dimaksudkan ialah kemahiran guru KH mengurus bengkel KH, menyenggara alatan dan mesin yang terdapat di dalam bengkel serta kebolehan guru KH memberi tunjuk cara kerja-kerja amali dan praktikal dengan betul.





### 1.9.9 Guru Kemahiran Hidup

Guru merupakan golongan yang berperanan memberi ajaran dan bimbingan kepada golongan yang perlu diajar dan dididik (Noriati A Rashid, Lee, Zulkufli Mahayudin, & Zakiah Noordin, 2014). Dalam kajian ini, guru yang dimaksudkan adalah guru Kemahiran Hidup di sekolah menengah yang mengajar mata pelajaran RBT tingkatan satu di Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia.

### 1.10 Rumusan



Bab ini telah membincangkan tentang kajian yang akan dijalankan. Latar belakang kajian berkenaan mata pelajaran RBT telah dipaparkan untuk memberi gambaran awal tentang KS RBT. Kerangka konsep kajian telah dibina untuk menentukan asas dan hala tuju kajian ini. Walaupun terdapat kajian yang telah dijalankan berkenaan pelaksanaan kurikulum ke atas pelbagai bidang, namun belum ada kajian dijalankan terhadap mata pelajaran RBT tingkatan satu sehingga kini. Hal ini kerana KS RBT merupakan kurikulum baharu yang menggantikan mata pelajaran KHB pada tahun 2017. Dengan itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti aspek-aspek serta masalah yang akan mempengaruhi pelaksanaan KS RBT tingkatan satu di Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia.

